

Syarat-syarat Piawai Perkhidmatan ini harus dibaca bersama dengan Borang Pengisytiharan ePerolehan dan Borang Pesanan Kad ePerolehan yang dilampirkan bersama dengan Syarat-syarat Standard Perkhidmatan ini.

1. Definisi

Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna yang berikut kecuali dalam konteks yang memerlukan sebaliknya:-

"Barangan Katalog"	ertinya suatu produk atau perkhidmatan terdigit Pelanggan dalam Katalog dan Kandungan berkaitan dengan produk atau perkhidmatan itu yang dipaparkan di ePerolehan;
"ePerolehan"	ertinya system perolehan elektronik yang dibekalkan oleh Syarikat;
"Fee"	ertinya Fee Langganan, Fee Perkhidmatan, Fee Katalog dan semua fee lain yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini;
"Fee Katalog"	ertinya fee katalog yang dinyatakan dalam Jadual 1 ;
"Fee Langganan"	ertinya fee langganan yang dinyatakan dalam Jadual 1 ;
"Fee Perkhidmatan"	ertinya fee perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual 1 ;
"Hari Perniagaan"	ertinya hari dimana bank-bank dibuka untuk urusan perbankan am di Selangor selain dari hari Sabtu, Ahad atau hari cuti am;
"Kad ePerolehan"	ertinya kad pintar pengguna yang diberikan kepada Pelanggan dan diberikuasa oleh Syarikat untuk mengakses Perkhidmatan;
"Kandungan"	ertinya mana-mana dan semua maklumat, data, teks, muzik, bunyi, fotograf, grafik, video, mesej atau bahan-bahan lain berkaitan dengan perniagaan Pelanggan, Barangan Katalog dan sebarang hal lain termasuk tetapi tidak terhad kepada:- (a) Maklumat Barangan Katalog seperti imej produk, deskripsi, spesifikasi dan harga seunit; dan (b) Syarat-syarat niaga Barangan Katalog seperti diskaun harga dan kuantiti minima;
"Katalog"	ertinya suatu katalog elektronik yang merangkumi semua Barangan Katalog Pelanggan yang dikategorikan menurut pengelompokan atau pengelasan produk;
"Kontrak Pusat"	ertinya perolehan oleh Kerajaan berkaitan dengan bekalan barangan dan perkhidmatan yang telah dirundingkan terlebih dahulu, ditender dan ditawarkan kepada pembekal-pembekal sepertimana yang ditentukan oleh Kerajaan;
"Pek Startup"	ertinya suatu pek permulaan yang mengandungi:- (a) latar belakang ePerolehan; (b) keperluan dan konfigurasi sistem piawai; (c) panduan dan borang permohonan untuk memohon suatu akaun pemberi perkhidmatan internet; dan (d) panduan untuk menyambung dan menggunakan ePerolehan;
"Pelanggan"	ertinya seseorang atau entiti yang telah menyempurnakan Borang Pendaftaran ePerolehan, dimana butir-butirnya dinyatakan di dalamnya, dan telah bersetuju untuk mengakses Perkhidmatan menurut syarat-syarat Perjanjian ini;
"Pemberi Perkhidmatan Kandungan"	ertinya pemberi-pemberi perkhidmatan kandungan bertauliah yang dilantik oleh Syarikat untuk, antara lainnya, mendigitkan dan memuat naik Barangan Katalog Pelanggan yang akan dipaparkan pada ePerolehan. Suatu senarai Pemberi Perkhidmatan Kandungan akan diterbitkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa;
"Pengguna ePerolehan"	ertinya nama-nama kakitangan Pelanggan yang terdapat dalam Borang Pesanan Kad ePerolehan. Pentadbir Pelanggan juga dianggap sebagai seorang Pengguna ePerolehan;
"Pentadbir Pelanggan"	ertinya seorang pegawai Pelanggan yang namanya terdapat pada ruang Pentadbir Pembekal dalam Borang Pesanan Kad ePerolehan;
"Perjanjian"	ertinya Syarat-syarat Piawai Perkhidmatan in, termasuk jadual, Borang Pendaftaran ePerolehan and Borang Pesanan Kad ePerolehan secara kolektif;
"Perkhidmatan"	ertinya perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat melalui ePerolehan yang akan membolehkan dan memudahkan:- (a) pendaftaran para pembekal dalam talian; (b) paparan dan penyenaian barangan katalog pembekal untuk bekalan barangan dan perkhidmatan; (c) pembekal-pembekal untuk membekal barangan dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui Kontrak Pusat, Belian Terus, Sebut Harga dan Tender; dan (d) pembayaran oleh atau kepada Kerajaan, badan-badan kawalan, pihak-pihak berkuasa, atau mana-mana pihak ketiga yang lain sehubungan dengan mana-mana perenggan (a), (b), atau (c) di atas. Walau apa pun yang disebut di perenggan (c), bekalan barangan dan perkhidmatan kepada Kerajaan melalui Belian Terus, Sebut Harga dan Tender hanya akan diberikan kepada Pelanggan apabila dimaklumkan oleh Syarikat.
"Pihak Berkuasa Persijilan"	ertinya pihak berkuasa persijilan bertauliah yang dilantik oleh Syarikat untuk menyediakan sijil digital bagi Kad ePerolehan;
"Syarikat"	Commerce Dot Com Sdn Bhd;

2. Tempoh Perjanjian

- 2.1 Perjanjian ini akan beroperasi pada tarikh yang akan dimaklumkan oleh Syarikat kepada Pelanggan tertakluk kepada:-
(a) Kementerian Kewangan meluluskan terlebih dahulu pendaftaran Pelanggan sebagai pembekal Kerajaan; dan
(b) Syarikat meluluskan terlebih dahulu pendaftaran Pelanggan untuk Perkhidmatan tersebut, di mana kelulusan yang diberikan adalah atas budi bicara Syarikat semata-mata.
- 2.2 Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa sehingga:-
(a) ia ditamatkan di bawah Perjanjian ini;
(b) tamat tempoh atau penamatan pendaftaran Pelanggan dengan Kementerian Kewangan; atau
(c) penamatan dua (2) tahun dari tarikh Perjanjian ini mula beroperasi, mana-mana lebih awal.
- 2.3 Perjanjian ini boleh diperbaharui dengan menyempurnakan suatu borang tertentu di atas syarat-syarat yang akan ditentukan oleh Syarikat.

3. Penggunaan Perkhidmatan

- 3.1 Tertakluk kepada syarat-syarat Perjanjian ini, Pelanggan boleh menggunakan dan mengakses Perkhidmatan apabila Perjanjian ini mula beroperasi. Tiada apa pun dalam Perjanjian ini yang akan menghalang atau menyekat Syarikat daripada memberikan kepada pelanggan lain hak untuk menggunakan atau mengakses Perkhidmatan.
- 3.2 Pelanggan mengakui bahawa ia benar-benar memahami semua maklumat berkaitan dengan Perkhidmatan, keperluan dan konfigurasi sistem piawainya, panduan untuk menyambung dan menggunakan atau mengakses Perkhidmatan. Pelanggan juga bersetuju untuk mematuhi semua garis panduan, prosedur, dasar dan keperluan yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa.
- 3.3 Pelanggan seterusnya bersetuju tidak menggunakan Perkhidmatan untuk:-
(a) memuat naik, mengepos atau, secara lain, menghantar sebarang Kandungan yang menyalahi undang-undang, memudaratkan, mengancam, kesat, mengganggu, berbelit-belit, memfitnah, lucah, palsu, mengelirukan, memperdaya, mengganggu privasi, terkutuk atau bersifat perkauman, secara etnik atau apa-apa perkara yang tidak sesuai, atau yang mengandungi sebarang hubungan dengan mana-mana universal resource locator (URL) atau web links;
(b) memalsukan tajuk atau, secara lain, memanipulasi pengecam untuk menyembunyikan asal sebarang Kandungan yang dihantar melalui Perkhidmatan ini;
(c) memuat naik, mengepos atau, secara lain, menghantar sebarang Kandungan yang Pelanggan tidak berhak atau dibenarkan untuk menghantarnya di bawah mana-mana undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa, atau di bawah mana-mana hubungan berkontrak atau berfiduciari (termasuk maklumat sulit yang dipelajari atau didedahkan sebagai sebahagian daripada pekerjaan atau di bawah perjanjian ketakdedahan);
(d) memuat naik, mengepos atau, secara lain, menghantar sebarang Kandungan yang melanggar mana-mana paten, tanda perdagangan, rahsia perdagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta atau hak-hak proprietari lain mana-mana pihak;
(e) memuat naik, mengepos atau, secara lain, menghantar sebarang bahan yang mengandungi virus perisian atau sebarang kod komputer yang lain, fail atau program yang dirancang untuk atau akan menyebabkan gangguan, pemusnahan, melumpuh atau menghadkan kegunaan mana-mana perisian atau perkakasan komputer atau peralatan komunikasi;
(f) mengusik atau mengganggu Perkhidmatan atau pelayan atau rangkaian yang disambungkan kepada Perkhidmatan, atau mengingkarinya mana-mana syarat, prosedur, dasar atau peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa berhubung dengan rangkaian yang disambungkan kepada Perkhidmatan; dan
(g) secara sengaja atau tidak sengaja melanggar atau membenarkan pelanggaran mana-mana undang-undang tempatan, negeri atau negara, peraturan, perintah, dekri, garis panduan dan peraturan sama ada oleh Pelanggan, kakitangan Pelanggan, ejen atau perunding.

4. Pengambilan Kad ePerolehan

- 4.1 Pelanggan hanya berhak mendapat dua (2) Kad ePerolehan percuma tanpa sijil digital, selepas permohonan Pelanggan diluluskan oleh Syarikat dan Fee Langganan telah dibayar. Semasa pendaftaran, Pelanggan akan memaklumkan Syarikat bilangan Kad ePerolehan percuma (tidak termasuk sijil digital) yang dikehendakinya dengan syarat bahawa seorang Pengguna ePerolehan hanya berhak mendapat satu (1) Kad ePerolehan pada satu masa yang ditetapkan. Sekiranya Pelanggan hanya meminta satu (1) Kad ePerolehan percuma (tidak termasuk sijil digital), semasa pendaftaran, Pelanggan dianggap telah menyetepikan haknya ke atas Kad ePerolehan percuma yang satu lagi itu. Walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan telah memperbaharui pendaftarannya dengan Syarikat, Pelanggan boleh meminta dua (2) Kad ePerolehan percumanya semasa pendaftaran dengan syarat bahawa tempoh sah Kad ePerolehan yang baru itu hanya akan bermula apabila Kad ePerolehannya yang sedia ada itu tamat tempohnya.
- 4.2 Sekiranya Pelanggan mahu mendapatkan sijil digital untuk suatu Kad ePerolehan, Pelanggan bersetuju bahawa ia akan membayar caj tambahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Persijilan bagi sijil digital yang akan dimasukkan dalam Kad ePerolehan.
- 4.3 Pelanggan menyedari bahawa untuk memudahkan pengeluaran Kad ePerolehan, Pelanggan memberi kuasa kepada Syarikat untuk mengemukakan maklumat mengenai Pengguna ePerolehan kepada Pihak Berkuasa Persijilan untuk mempersonalisasikan Kad ePerolehan. Pelanggan juga bersetuju untuk membayar caj-caj yang ditetapkan terlebih dahulu kepada Syarikat yang kemudiannya akan membayar caj-caj tersebut kepada Pihak Berkuasa Persijilan.
- 4.4 Pelanggan harus memastikan bahawa Pengguna ePerolehan dan/atau Pentadbir Pelanggannya mengambil secara sendiri Kad ePerolehan dari Pihak Berkuasa Persijilan apabila dimaklumkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Persijilan tentang masa dan tempat ianya boleh diperolehi kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh Syarikat.
- 4.5 Pelanggan boleh meminta Kad ePerolehan tambahan, tertakluk kepada adanya bekalan kad tersebut, tanpa sijil digital, daripada Syarikat pada fee yang ditetapkan dalam **Jadual 1**.
- 4.6 Walau apa pun yang sebaliknya, Pelanggan mengakui bahawa Pihak Berkuasa Persijilan dan Syarikat tidak bertindak dan tidak akan ditafsirkan sebagai bertindak sebagai prinsipal dan ejen. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada sebarang tindakan atau peninggalan Pihak Berkuasa Persijilan.

5. Penggunaan Kad ePerolehan

- 5.1 Perkhidmatan hanya boleh diakses melalui penggunaan Kad ePerolehan oleh Pengguna ePerolehan kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam arahan, garis panduan, prosedur dan dasar-dasar yang ditentukan oleh Syarikat. Penerimaan atau penggunaan Perkhidmatan oleh mana-mana orang atau cara lain adalah dilarang sama sekali termasuk penggunaan Kad ePerolehan tanpa kebenaran atau mana-mana kad pintar yang lain.
- 5.2 Kad ePerolehan adalah harta Syarikat pada setiap masa. Syarikat memberikan lesen peribadi yang tidak boleh dipindah milik kepada setiap Pengguna ePerolehan untuk menggunakan Kad ePerolehan bagi mengakses Perkhidmatan.
- 5.3 Pelanggan akan memastikan dan Pengguna ePerolehan dan Pentadbir Pelanggan beraku janji bahawa mereka tidak akan membenarkan orang lain menggunakan Kad ePerolehan yang telah dikeluarkan kepada mereka secara peribadi dan tidak akan mendedahkan nombor pengenalan peribadi Kad ePerolehan mereka.
- 5.4 Tanpa menjejaskan hak-hak Syarikat, Pentadbir Pelanggan boleh pada bila-bila masa menambah Pengguna ePerolehan atau menggantung, mengaktifkan semula atau menamatkan Perkhidmatan bagi seseorang Pengguna ePerolehan dengan syarat bahawa Syarikat dimaklumkan terlebih dahulu secara bertulis mengenai perkara itu untuk maklumat Syarikat. Sekiranya Pentadbir Pelanggan telah menamatkan Perkhidmatan bagi seseorang Pengguna ePerolehan, Pentadbir Pelanggan akan dengan segera memaklumkan Pihak Berkuasa Persijilan untuk menamatkan Kad ePerolehan bagi Pengguna ePerolehan tersebut. Pelanggan akan pada setiap masa bertanggungjawab terhadap penggantungan dan penamatan Perkhidmatan bagi Pengguna ePerolehan oleh Pentadbir Pelanggan.
- 5.5 Pelanggan akan mematuhi dan memastikan bahawa Pengguna ePerolehan dan/atau Pentadbir Pelanggan akan sentiasa mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai penggunaan Perkhidmatan dan Kad ePerolehan. Sekiranya berlaku kehilangan, kecurian, penggunaan Kad ePerolehan tanpa kebenaran atau pelanggaran peruntukan mengenai penggunaan Perkhidmatan dan Kad ePerolehan, Pelanggan akan dengan segera memaklumkan Syarikat dan Pihak Berkuasa Persijilan mengenai perkara tersebut.
- 5.6 Pelanggan akan pada setiap masa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad ePerolehan dan terhadap sebarang caj yang ditanggung olehnya termasuk penggunaan Kad ePerolehan oleh seseorang tanpa kebenaran atau penggunaan Kad ePerolehan yang hilang atau dicuri oleh pihak ketiga, dengan atau tanpa pengetahuan Pelanggan. Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada penggunaan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad ePerolehan.
- 5.7 Kad ePerolehan yang rosak akan diganti tanpa apa-apa bayaran jika Pelanggan mengembalikan Kad ePerolehan itu kepada Pihak Berkuasa Persijilan dalam masa lima (5) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan kad tersebut dan Pelanggan:-
(a) memaklumkan kepada Syarikat dan Pihak Berkuasa Persijilan tentang perkara itu; dan
(b) telah membuktikan sehingga Pihak Berkuasa Persijilan berpuas hati bahawa kerosakan itu disebabkan oleh pengeluar.

6. Barangan Katalog

- 6.1 Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan sepenuhnya untuk memastikan bahawa Barangan Katalognya adalah dalam format digital dan memuat naik Barangan Katalog untuk dipaparkan pada ePerolehan. Pelanggan hanya boleh mendigitkan dan memuat naik Barangan Katalog untuk paparan pada ePerolehan sama ada dengan melakukannya sendiri atau menggunakan mana-mana Pemberi Perkhidmatan Kandungan, atas risiko sendiri, tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh Pemberi Perkhidmatan Kandungan.
- 6.2 Pemberi akan mematuhi semua garis panduan, dasar, prosedur, piawai dan keperluan-keperluan berhubung dengan pendigitalan dan pemuatan naik Barangan Katalog pada ePerolehan yang ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa untuk memastikan keselamatan dan integriti sistem Syarikat.
- 6.3 Barangan Katalog untuk Kontrak-kontrak Pusat yang telah dimuat naik pada ePerolehan tidak boleh diubah suai.
- 6.4 Pelanggan, secara tidak boleh dibatal, memberikan hak kepada Syarikat dan Pemberi Perkhidmatan Kandungan untuk mendigit, memuat naik, mendedahkan, memaparkan, menyimpan, mengesop, menghantar dan semua hak lain seumpamanya berkaitan dengan atau berhubung dengan Barangan Katalog, Kandungan dan maklumat lain yang berkaitan dengannya untuk tujuan membekalkan Perkhidmatan kepada Pelanggan.
- 6.5 Walau apa pun yang sebaliknya, Pelanggan mengakui bahawa Syarikat dan Pemberi Perkhidmatan Kandungan tidak bertindak dan tidak akan ditafsir sebagai bertindak sebagai prinsipal dan ejen. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada sebarang tindakan atau peninggalan Pemberi Perkhidmatan Kandungan.

7. Barangan Katalog 3-D

- 7.1 Pelanggan boleh mengemukakan permintaan secara bertulis supaya Katalog tiga dimensi dipaparkan pada ePerolehan untuk tempoh masa, caj dan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Syarikat. Pendigitalan dan pemuatan naik Barangan Katalog tiga dimensi akan hanya dilaksanakan oleh Syarikat kecuali jika dimaklumkan sebaliknya secara bertulis.
- 7.2 Sekiranya Pelanggan memerlukan Barangan Katalog tiga dimensi, Pelanggan adalah bertanggungjawab mengirim, mengangkut dan/atau menghantar produk mereka ke dan dari premis Syarikat atas kos dan perbelanjaannya sendiri bagi tujuan menggambarkan produk tersebut untuk dimuat naik dan memaparkan produk itu pada ePerolehan. Sebelum mengangkut Barangan Katalog ke premis Syarikat, Pelanggan haruslah terlebih dahulu bersetuju mengenai pengaturan yang perlu termasuk masa dan tarikh penghantaran.
- 7.3 Pelanggan mengakui bahawa produknya mungkin perlu disimpan di premis Syarikat untuk suatu tempoh dan menurut syarat-syarat tertentu yang akan ditentukan oleh Syarikat. Pelanggan haruslah menginsuranskan produknya sehingga nilai penuhnya sepanjang tempoh produk itu disimpan di premis Syarikat. Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan produk yang disimpan di premisnya atas apa-apa sebab sekalipun.

8. Syarat-syarat Pembayaran

- 8.1 Fee Langganan harus dibayar apabila pendaftaran diluluskan dan, kemudiannya, semasa pembaharuan pendaftaran Pelanggan dengan Syarikat atau Kementerian Kewangan. Fee Langganan akan hanya meliputi pemberian Perkhidmatan

tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di sini. Akses kepada Perkhidmatan tidak dibenarkan sehingga Fee Langganan telah dibayar.

- 8.2 Apabila invoice dikeluarkan oleh Pelanggan berkaitan dengan pesanan belian, Pelanggan akan, secara tidak boleh dibatal, memberikan kebenarannya di dalam invoice itu kepada Kerajaan untuk membayar Fee Perkhidmatan kepada Syarikat. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Fee Perkhidmatan akan ditolak oleh Kerajaan daripada jumlah yang perlu dibayar kepada Pelanggan di bawah pesanan belian tersebut.
- 8.3 Fee Katalog harus dibayar dalam masa sepuluh (10) Hari Perniagaan dari tarikh invoice. Barangan dan/atau perkhidmatan Pelanggan akan hanya dipaparkan melalui Perkhidmatan sekiranya Pelanggan telah membayar Fee Katalog dan mematuhi syarat-syarat, prosedur, garis panduan dan arahan yang ditetapkan oleh Syarikat;
- 8.4 Pelanggan boleh membeli Pek Startup tambahan, tertakluk kepada adanya bekalan pek tersebut, pada harga yang ditetapkan dalam **Jadual 1**.
- 8.5 Sebarang bayaran haruslah dibuat kepada Syarikat sepenuhnya sama ada melalui cek, kiriman pos, kiriman wang, draf bank, kad kredit, atau kredit terus ke akaun Commerce Dot Com Sdn Bhd. Syarikat akan menghantar invoice kepada Pelanggan bagi Fee dan apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar dan Pelanggan bertanggungjawab setiap masa untuk membayarnya dengan segera.

Untuk kredit terus ke akaun Commerce Dot Com Sdn Bhd, ianya boleh dibuat di mana-mana cawangan Malayan Banking Bhd.

Bila membuat bayaran, sila pastikan bahawa:-

- (a) nombor Pendaftaran Kementerian Kewangan (357-XXXXXXX) dicatatkan dengan jelas;
- (b) bayaran dibuat atas nama Commerce Dot Com Sdn Bhd dan nombor akaun ialah 562142800978.
- 8.6 Sebarang invoice yang dikeluarkan oleh Syarikat akan dianggap diterima oleh Pelanggan jika tidak dipertikaikan dalam masa lima (5) Hari Perniagaan dari tarikh invoice itu. Sekiranya timbul pertikaian mengenai Fee dan/atau apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar, Pelanggan akan membayar jumlah Fee dan/atau jumlah lain yang perlu dibayar (termasuk jumlah yang dipertikaikan itu) sementara menunggu penyelesaian pertikaian itu dan akan mengemukakan bukti kepada Syarikat berhubung dengan pertikaian itu.
- 8.7 Sekiranya jumlah yang dipertikaikan yang dibayar itu lebih tinggi daripada jumlah sebenarnya yang perlu dibayar, Syarikat akan mengkredit baki dalam invoice yang berikutnya. Sekiranya jumlah yang dipertikaikan yang dibayar itu lebih rendah daripada jumlah sebenar yang perlu dibayar, Pelanggan akan membayar baki tersebut dalam masa lima (5) Hari Perniagaan dari tarikh penyelesaian pertikaian itu.
- 8.8 Bayaran Pelanggan akan termasuk semua caj bank yang berkaitan, komisen, cukai tertahan, pengenaan berkanun dan caj cukai perkhidmatan, di mana berkaitan. Pelanggan akan membayar kepada Syarikat semua caj bank, fee dan caj pengendalian yang berkaitan bagi cek yang dibayar kepada Syarikat dan cek belum bayar dipulangkan oleh bank yang berkaitan.
- 8.9 Bagi setiap tiga puluh (30) hari dimana akaun Pelanggan melampaui tempoh, Syarikat mempunyai hak mengenakan faedah kepada Pelanggan ke atas jumlah belum bayar pada kadar 2 peratus setahun atas kadar pinjaman asas Maybank Bhd sebagai kos pentadbiran. Syarikat boleh menolak sebarang jumlah yang dikreditkan kepada Pelanggan bagi sebarang jumlah yang Pelanggan terutang dengan Syarikat.

9. Merizabkan Hak

- 9.1 Syarikat merizabkan hak untuk:-
- (a) menambah, memotong, memperbaiki, mempertingkatkan, menggantung atau membuat pindaan pada Perkhidmatan dan sebahagian daripadanya;
- (b) mengkaji semula dan mengubah Fee atau sebarang caj lain yang perlu dibayar di bawah ini; dan
- (c) mengubah dan meminda terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, dan Syarikat akan memberi notis yang sewajarnya kepada Pelanggan mengenai perubahan itu. Pelanggan mengakui hak-hak rizab Syarikat di bawah Perjanjian ini dan bersetuju untuk memerhatikan and mematuhi pindaan tersebut pada tarikh pemberitahuan.

10. Maklumat Pelanggan

- 10.1 Pelanggan memberi hak kepada Syarikat untuk mendapatkan dari Kerajaan, badan-badan kawalan, pihak-pihak berkuasa atau mana-mana pihak ketiga yang lain sebarang maklumat berhubung dengan Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi dengan pihak-pihak tersebut sama ada berkaitan dengan Kontrak Pusat, Belian Terus, Sebut Harga atau Tender atau sebaliknya) yang dianggap sesuai untuk kegunaan berhubung dengan Perkhidmatan atau ePerolehan.
- 10.2 Pelanggan memberi hak kepada Syarikat untuk mendedahkan atau berkongsi apa sahaja atau semua maklumat yang diterima sehubungan dengan, atau yang didedahkan oleh Pelanggan, termasuk kandungan, dengan:-
- (a) para pemegang saham korporat Syarikat, syarikat-syarikat berkait, syarikat-syarikat gabungannya atau mana-mana syarikat lain yang Syarikat mungkin mendedahkan maklumat tersebut bagi tujuan perniagaan dan Perkhidmatannya, termasuk pemberian perkhidmatan bersepadu;
- (b) pihak-pihak ketiga bagi tujuan menyelenggarakan rekod-rekod kewangan atau operasi dan kegiatan pemasaran Syarikat; dan
- (c) badan-badan pengawalan atau pihak-pihak berkuasa lain menurut mana-mana obligasi berkanun atau undang-undang atau ke arah mengesan dan mencegah jenayah.

11. Aset dan Hak Harta Intelek

- 11.1 Pelanggan bersetuju bahawa semua hak, hak milik dan kepentingan kepada semua aset dan harta intelek yang membentuk sebahagian atau yang timbul dari Perkhidmatan akan sentiasa menjadi milik Syarikat. Kecuali dinyatakan sebaliknya, tiada apa-apa pun yang terkandung di sini akan memberi kepada Pelanggan apa-apa hak, hak milik atau kepentingan dalam aset atau harta intelek tersebut dan Pelanggan tidak akan mengambil apa-apa langkah untuk menegaskan sebarang hak proprietari keatas aset dan harta intelek yang menjadi sebahagian atau yang timbul dari Perkhidmatan yang diberikan.

12. Representasi dan Waranti Anda

- 12.1 Pelanggan dengan ini menyatakan dan memberi jaminan kepada Syarikat bahawa:-
- (a) Pelanggan telah mematuhi undang-undang yang berkaitan dan mempunyai kuasa atau autoriti korporat untuk mengikat Perjanjian ini dan melaksanakan obligasinya yang terkandung di sini;
 - (b) semua kebenaran, lesen, kelulusan, pemberian kuasa, perintah dan pengecualian mana-mana kementerian, agensi, jabatan atau pihak berkuasa Malaysia yang dikehendaki untuk atau berhubung dengan pelaksanaan, penyerahan, penyempurnaan, kesahan dan kebolehuatkuasaan Perjanjian ini telah diperolehi dan berkuat kuasa sepenuhnya dan memberikan satu salinannya kepada Syarikat apabila diminta oleh Syarikat;
 - (c) semua maklumat yang diberikan dan dikehendaki diberikan oleh Pelanggan dari semasa ke semasa adalah benar, sah dan tepat dan tidak mengelirukan atau menipu secara material;
 - (d) Pelanggan mempunyai hak sepenuhnya untuk mendedahkan semua maklumat yang dikehendaki diberikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa tanpa melanggar sebarang kewajipan kerahsiaan/sulit atau mana-mana undang-undang bertulis;
 - (e) Pelanggan beraku janji pada setiap masa untuk menggunakan pertimbangan dan kemahirannya sendiri untuk transaksi menggunakan Perkhidmatan dan Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua transaksi, syor, sebut harga atau komen yang dibuat atau tindakan yang diambil;
 - (f) Pelanggan tidak bergantung atas apa-apa representasi yang dibuat oleh Syarikat yang tidak dinyatakan dengan jelas didalam Perjanjian ini atau diatas apa-apa deskripsi, ilustrasi atau spesifikasi yang terkandung dalam apa-apa katalog atau bahan publisiti yang dikeluarkan oleh Syarikat;
 - (g) Pelanggan akan dengan segera memaklumkan Syarikat mengenai sebarang perubahan dalam mana-mana atau semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat atau komunikasi berhubung dengan butir-butir caj atau akaun bank Pelanggan, serta mendapat tahu tentang kecurian, cetak rompak atau lain-lain penggunaan Perkhidmatan tanpa kebenaran atau sebarang penipuan terhadap Syarikat; dan
 - (h) Pelanggan akan dengan segera memaklumkan Syarikat sekiranya Pelanggan tidak dapat melaksanakan obligasinya atas apa-apa sebab jua pun dan melakukan apa sahaja untuk mengurangkan kesannya.
- 12.2 Tanggungjawab Pelanggan merupakan tanggungjawab yang berterusan dan akan diulangi setiap hari sepanjang tempoh Perjanjian ini.

13. Penggantungan dan Penamatan

- 13.1 Syarikat boleh, atas budi bicaranya yang mutlak dan tanpa liabiliti kepada Pelanggan, menggantung atau menamatkan akses Pelanggan kepada Perkhidmatan (atau mana-mana bahagian daripadanya) pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa atas apa-apa sebab jua pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan di mana Pelanggan memungkirinya mana-mana syarat Perjanjian ini; atau sekiranya lesen Syarikat, kebenaran atau kontrak dengan Kerajaan untuk membekalkan Perkhidmatan ditamatkan atau digantung. Syarikat akan memberi Pelanggan notis yang sewajarnya sebelum apa-apa penggantungan atau penamatan tersebut. Pengeluaran notis penggantungan oleh Syarikat tidak akan menghalang Syarikat daripada mengeluarkan notis penamatan bagi pelanggaran atau keingkaran yang sama pada tarikh kemudian.
- 13.2 Sekiranya Pelanggan memungkirinya mana-mana syarat di bawah Perjanjian ini, Syarikat akan, tanpa menjejaskan mana-mana hak dan remedies yang lain, berhak menuntut daripada Pelanggan semua ganti rugi, fee dan kos (atas dasar peguamcara anak guam) yang ditanggung berkaitan dengannya.
- 13.3 Pelanggan boleh menamatkan Perjanjian dengan memberi notis bertulis satu (1) bulan.
- 13.4 Sekiranya:-
- (a) Perjanjian ditamatkan menurut Klausula 2.2;
 - (b) Perkhidmatan digantung atau Perjanjian ditamatkan menurut Klausula 13.1; atau
 - (c) Perkhidmatan ditamatkan oleh Pelanggan menurut Klausula 13.3,
- Pelanggan akan tetap bertanggungjawab untuk membayar fee penuh dan semua amaun lain yang perlu dibayar, termasuk semua amaun yang belum dijelaskan oleh Pelanggan semasa penggantungan Perkhidmatan atau sehingga tarikh penamatan Perjanjian. Pelanggan tidak berhak mendapat bayaran balik Fee Langganan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya berlaku penamatan awal Perjanjian ini atas apa sebab jua pun.
- 13.5 Untuk pengaktifan semula Perkhidmatan, Pelanggan akan dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak RM50. Semua amaun yang belum dijelaskan kepada Syarikat mestilah dibayar terlebih dahulu sebelum Perkhidmatan diaktifkan semula.

14. Pembatasan Liabiliti

- 14.1 Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi sebarang akses tanpa kebenaran atau yang menyalahi undang-undang atau pemindaan penghantaran atau data Pelanggan mahupun bagi sebarang gangguan, penggantungan atau penamatan Perkhidmatan atas apa-apa sebab jua pun, sama ada ia dalam kawalan Syarikat atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada virus perisian, sabotaj, kegagalan pihak pemberi perkhidmatan internet, bekalan elektrik terputus, transponder, pemprosesan pengisyratan dan kelengkapan 'uplink', Kad ePerolehan, bencana alam, darurat, operasi ketenteraan, kekacauan awam, pertikaian perusahaan, banjir, kilat, ribut petir, kebakaran, akta atau peraturan-peraturan oleh Kerajaan (termasuk menarik balik kebenaran, permit atau lesen) atau kegagalan, penamatan atau pemberhentian pihak-pihak ketiga yang membekalkan perkhidmatan yang termasuk dalam Perkhidmatan dan sebarang sebab force majeure yang lain.
- 14.2 Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang diberi kuasa oleh atau menuntut melalui Pelanggan sebarang ganti rugi langsung, tidak langsung, berkaitan, khas, berbangkit atau teladan yang timbul, walau macam mana pun termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi bagi kerugian keuntungan, kerugian jangkaan, nama baik, penggunaan, data atau kerugian tidak ketara yang lain (meskipun Syarikat telah dimaklumkan mengenai ganti rugi itu) akibat daripada:-
- (a) penggunaan atau tidak boleh/tahu digunakan Perkhidmatan oleh Pelanggan, Kerajaan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pelanggan;
 - (b) pemberian atau pemberian yang ditujukan oleh atau kegagalan dalam pemberian Perkhidmatan;
 - (c) akses tanpa kebenaran atau yang menyalahi undang-undang kepada atau pemindaan penghantaran atau data anda;
 - (d) pernyataan atau kelakuan mana-mana pihak ketiga mengenai Perkhidmatan;
 - (e) sebarang hal lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan.
- 14.3 Tanpa menjejaskan apa-apa yang telah disebut di atas, sekiranya mahkamah atau penimbangtara memutuskan atau mendapati Syarikat bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi sebarang pelanggaran atau keingkaran oleh Syarikat,

Pelanggan bersetuju bahawa jumlah ganti rugi yang perlu dibayar oleh Syarikat kepada Pelanggan tidak akan pada bila-bila masa melebihi jumlah RM9,600.00 meskipun terdapat sebarang perintah, dekri atau penghakiman yang sebaliknya.

15. Kandungan

- 15.1 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa sahaja dan semua Kandungan yang dipaparkan, dimuat naik atau dihantarkan oleh Syarikat melalui Perkhidmatan. Syarikat tidak memberi sebarang jaminan atau representasi berkaitan dengan ketepatan, kesempurnaan, kebenaran, integriti dan kualiti Kandungan tersebut. Syarikat tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun terhadap sebarang Kandungan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kesilapan atau peninggalan dalam mana-mana Kandungan, atau terhadap sebarang kerugian atau kerosakan apa jenis pun yang ditanggung akibat daripada penggunaan Kandungan yang dipaparkan, dimuat naik atau dihantar melalui Perkhidmatan.
- 15.2 Syarikat tidak menapis terlebih dahulu atau mengkaji semula Kandungan tetapi Syarikat mempunyai hak (tetapi tidak mempunyai obligasi) mengikut budi bicara mereka yang mutlak untuk menolak atau mengeluarkan sebarang Kandungan yang ada dalam Perkhidmatannya. Seterusnya, Syarikat mempunyai hak untuk mengeluarkan sebarang Kandungan yang mencabuli syarat-syarat Perjanjian ini ataupun yang tidak sesuai. Pelanggan mesti menilai dan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan penggunaan sebarang Kandungan.

16. Tanggung Rugi

- 16.1 Pelanggan akan menanggung rugi dan melindungi Syarikat daripada sebarang permintaan, kos, caj, perbelanjaan dan ganti rugi, tuntutan atau prosiding apa jua pun berkaitan dengannya yang timbul daripada salah nyata, fitnah, mengganggu privasi, pelanggaran mana-mana hak harta intelek, pemungkiran kepercayaan/kesulitan atau keistimewaan atau pemungkiran Perjanjian ini atau mana-mana undang-undang apa jua pun yang timbul daripada Kandungan yang dihantar, dipapar, disimpan, diterima atau dimuat naik melalui Perkhidmatan dan semua tuntutan lain yang timbul akibat daripada sebarang tindakan atau peninggalan oleh Pelanggan, Pengguna ePerolehan dan penggunaan Pentadbir Pelanggan atau eksploitasi Perkhidmatan.

17. Kerahsiaan

- 17.1 Pelanggan akan menyimpan kerahsiaan semua maklumat, termasuk maklumat yang berkaitan dengan Perkhidmatan dan ePerolehan yang telah diterima atau diperolehinya semasa menggunakan Perkhidmatan atau berhubung dengan Perjanjian ini. Maklumat sulit tersebut tidak boleh digunakan, disalin, dikeluarkan semula, diedarkan atau didedahkan oleh Pelanggan untuk apa-apa tujuan kecuali kepada kakitangan atau ejen-ejennya berdasarkan atas perlu tahu sepertimana yang perlu untuk melaksanakan Perjanjian ini dengan syarat kakitangan dan ejen-ejennya tertakluk kepada dan mengekalkan obligasi kerahsiaan di bawah Perjanjian ini.

18. Notis

- 18.1 Sebarang notis yang akan diberi oleh sesuatu pihak haruslah secara bertulis dan dikirimkan ke mana-mana alamat (termasuk alamat mel elektronik) pihak yang satu lagi seperti yang dinyatakan dalam Borang Pendaftaran ePerolehan.
- 18.2 Sebarang notis yang diberi menurut Perjanjian ini akan dianggap telah disampaikan sekiranya:-
- (a) diserahkan sendiri dengan tangan, semasa menghantarnya;
 - (b) dalam hal faksimili atau mel elektronik, pengeluaran laporan penghantaran oleh mesin atau komputer dari mana faksimili atau mel elektronik itu dihantar yang menunjukkan bahawa faksimili atau mel elektronik itu telah dihantar keseluruhannya kepada nombor faksimili atau alamat mel elektronik penerima;
 - (c) dalam hal surat yang dipos, pada Hari Perniagaan ketiga selepas dipos; dan
 - (d) hanya berkaitan dengan Syarikat, dalam hal mengepos pada laman web rasmi Syarikat, pada tarikh mengepos.

19. Kos dan Duti Setem

- 19.1 Duti setem bagi Perjanjian ini akan ditanggung oleh Pelanggan tetapi setiap pihak akan menanggung bayaran guaman mereka sendiri.

20. Penyerahan Hak

- 20.1 Pelanggan tidak akan menyerah hak atau memindah milik seluruh atau mana-mana bahagian daripada hak atau obligasinya di bawah Perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat. Syarikat boleh menyerah hak atau memindah milik seluruh atau sebahagian daripada hak dan obligasi di bawah Perjanjian ini tanpa kebenaran Pelanggan.

21. Pengganti Terikat

- 21.1 Perjanjian ini akan mengikat setiap pihak dan pengganti mereka masing-masing dalam hak milik dan serah hak yang dibenarkan.

22. Penepian

- 22.1 Tiada kegagalan atau kelewatan pihak Syarikat dalam menggunakan mana-mana hak atau remedi di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa atau bagi mana-mana tempoh masa, ataupun apa-apa pengetahuan atau persetujuan oleh Syarikat atas, atau dalam memungkiri mana-mana peruntukan Perjanjian ini akan berkuatkuasa sebagai atau dianggap sebagai penepiannya, dan penepian oleh Syarikat terhadap sebarang pemungkiran tidak akan berkuatkuasa sebagai dan dianggap sebagai membentuk penepian yang berterusan berkaitan dengan mana-mana pemungkiran berikutnya atau pemungkiran berterusan. Peruntukan hak atau remedi di bawah Perjanjian ini tidak boleh diketepikan kecuali secara bertulis yang ditandatangani oleh Syarikat.

23. Masa adalah penting

- 23.1 Masa di mana saja dirujuk dalam Perjanjian ini adalah dianggap penting.

24. Tiada Agensi dan Tiada Perkongsian

- 24.1 Pelanggan tidak akan mengakui dirinya sebagai prinsipal atau ejen Syarikat untuk apa-apa tujuan dan di bawah apa-apa keadaan. Tiada suatu apa pun yang terkandung di sini akan mewujudkan atau menyiratkan perkongsian antara Pelanggan dan Syarikat.
25. **Pematuhan Undang-undang Berkaitan**
- 25.1 Perjanjian ini akan dikawal oleh, dan hendaklah ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan, secara tidak boleh dibatal, berserah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.
26. **Versi Bahasa Inggeris mengatasi versi Bahasa Malaysia**
- 26.1 Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini.

JADUAL 1

Jadual Fee

Butiran	Jumlah
Fee Langganan	RM450 setiap 3 tahun
Fee Perkhidmatan	(a) 0.8% dikenakan ke atas setiap pesanan belian oleh Kerajaan tidak melebihi RM1,200,000.00 sahaja; atau (b) kadar tetap RM9,600.00 sahaja sekiranya pesanan belian oleh Kerajaan melebihi RM1,200,000.00.
Fee Katalog	Barangan Katalog Kontrak Pusat Percuma
	Fee Katalog yang dirujuk dalam Jadual Fee ini tidak termasuk Barangan Katalog tiga dimensi. Fee tersebut akan ditentukan oleh Syarikat pada tarikh yang ditetapkan kemudian.
Kad ePerolehan Tambahan	RM50 setiap satu (tidak termasuk caj tambahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Persijilan bagi sijil digital.)
Pek Startup	RM20 senaskah